SELAGI SUKARNO MEMERINTAH NEGARA INDONESIA AKAN HANCUR?

Ada setengah-setengah orang menyangka bahawa pemerintahan Sukarno itu sebenarnya tidak anti agama kerana bersama-sama Sukarno ada parti-parti Islam yang sedia bekerjasama dengannya seperti Nahḍatul Ulama dan seumpamanya. Ketaatan Nahḍatul Ulama keapada Sukarno tidaklah boleh menjadi ukuran kerana semua orang mengetahui bahawa yang diutamakan oleh Nahḍatul Ulama bukanlah soal Islam tetapi soal kedudukannya terutamanya kedudukan pemimpin-pemimpinnya baik dalam pemerintahan atau di dalam ekonomi. Sebabnya komunis dapat duduk dengan tegak di Indonesia ialah kerana Nahḍatul Ulama memberi kerjasama yang rapat dengan komunis - dan dengan suara Nahḍatul Ulama itulah akhirnya perwakilan-perwakilan komunis - Russia dan Cina – di buka di Indonesia yang akhirnya menggunakan Sukarno untuk mendesak musuh-musuhnya, terutamanya umat Islam, dengan menggunakan keganasan-keganasan yang lebih hebat daripada apa yang dilakukan oleh pemerintahan Jepun dahulu.

(Oleh wakil khas kita)

Dengan kedudukan sekarang, apakah mungkin umat Islam Indonesia menegakkan agama Islamnya? Jawapnya tidak! Nahḍatul Ulama berjuang untuk menegakkan negara Islam adalah bohong semata-mata, bahkan Nahḍatul Ulama itulah yang bertanggungjawab menyuburkan musuh-musuh Islam seperti komunis berkuasa di Indonesia sehingga dalam pilihan raya baharu-baharu ini kawasan Nahḍatul Ulama itu sendiri telah dikalahkan oleh komunis (di Banjarmasin).

Apakah umat Islam melupakan bagaimana piagam mereka untuk mendirikan hukum Islam di Indonesia, yang dibuat pada 3 Jun 1945 dahulu, ditolak mentah-mentah oleh Sukarno dan dengan kerananya timbullah piagam Pancasila yang boleh di dolak dalikkan. Sehingga Ketuhanan Yang Maha Esa itu boleh meluluskan orang-orang komunis termasuk ke dalamnya?

Tidakkah umat Islam melihat dan memerhatikan tekanan-tekanan yang hebat yang dilakukan kepada saudara-saudara umat Islam sendiri dengan perlakuan-perlakuan yang luar biasa - kiyai-kiyai ditangkap dituduh sebagai orang Darul Islam dan seumpamanya sebagai musuh negara? Tidakkah teringat dan terkesan di hati umat Islam bagaimana tuhan sewenang-wenang dilakukan kepada mereka sehingga mereka diseksa, dibunuh, dihimpunkan di dalam lori ditutup rapat-rapat sehingga mati di dalamnya kerana tidak bernafas? Apakah umat Islam Indonesia masih diam dan masih boleh berdamai di atas kelakuan-kelakuan yang serupa ini?

Tidakkah umat Islam di Indonesia melihat dan mengetahui bahawa dengan adanya bersama-sama orang-orang seperti Nahḍatul Ulama ertinya menambah kekuatan untuk meruntuhkan cita-cita menegakkan negara Islam di Indonesia?

Semuanya pertanyaan-pertanyaan ini timbul sesudah melihat bukti, melihat bukti yang nyata bahawa Islam di Indonesia

akan runtuh jika kekuasaan ini masih berkuasa di sana. Kebebasan beragama dari semasa ke semasa telah mulai dikurangkan! Dahulu pernah terjadi bahawa perintah-perintah dibuat untuk menegah membaca ayat-ayat al-Qur'ān yang bersifat siasah di dalam khutbah-khutbah masjid.

Sekarang, menurut apa yang dibayangkan oleh majalah "Al-Hikmah" bulan Mei, bahawa Radio Republik Indonesia telah menyampaikan, bahawa beberapa ayat al-Qur'ān tidak dibenarkan lagi digunakan di dalam ruangan-ruangan khutbah Jumaat - ertinya bahawa orang-orang Islam tidak dibebaskan lagi menggunakan ayat-ayat al-Qur'ān seperti biasa bahkan ada ayat yang digunakan dan ada ayat yang tidak dibenarkan untuk menggunakannya.

Hal ini harus akan merebak pula kepada tegahan-tegahan menggunakan ayat itu di masjid-masjid dan harus pula dalam khutbah-khutbah Jumaat akan disensor.

Dengan ini zahir sekarang bahawa kebebasan beragama mulai terugat di Indonesia dan punca-punca kekuatan komunis telah bertapak. Kerana itu timbullah soal: Apakah Sukarno seorang Islam ataupun bagaimana? Ini satu amaran yang besar kepada umat Islam Indonesia kerana selama Sukarno memerintah ditaksir tidak kurang dari satu setengah milion, sekali lagi, satu setengah milion umat Islam yang telah jadi korban. Umat Islam yang telah jadi korban itu tidak lain dan tidak bukan kerana mereka mahu hukum-hukum Tuhan berjalan di Indonesia. Hendaknya dunia Islam amnya mengetahui dan mengadakan bantahan kepada Majlis Bangsa-bangsa Bersatu akan kezaliman-kezaliman yang di luar peri kemanusiaan yang dilakukan kepada umat Islam Indonesia.

* * *

Juanda, Perdana Menteri Indonesia, dalam satu ucapannya pada bulan Jun menyatakan bahawa sekiranya perlawanan republik revolusioner tidak segera dapat dipatahkan, maka gaji-gaji tentera akan tidak dapat dibayar dan perwakilan-perwakilan di luar negeri harus akan ditutup kerana tidak dapat dibelanjai.

Ringkasnya kuasa Sukarno tidak akan dapat berjuang lebih lama lagi - harus berasa tidak akan dapat dibawa masuk ke Indonesia lagi kerana tidak ada wang untuk pembelinya. Kalau terjadi begini tentunya baharu Sukarno puas sebab nanti timbullah revolusi sosial rakyat yang sangat dinanti-nanti oleh komunis untuk berkuasa penuh di Indonesia.

Menurut pandangan kita, hal ini mungkin terjadi sebab walaupun umpamanya perjuangan menadu patah, namun perjuangan terus berjalan. Perjuangan gerila yang cukup lengkap dengan alat senjatanya terus berjalan. Di daerah-daerah Sumatera Tengah perjuangan terus berlaku siang hari dikuasai Sukarno dan malam hari dikuasai oleh revolusioner.

Perjuangan akan berjalan lebih panjang dan lebih membesar kerana rakyat telah insaf, terutamanya umat Islam, bahawa jika Sukarno berkuasa terus, ertinya mereka akan naik tiang gantung, akan menghadapi kezaliman-kezaliman yang di luar peri kemanusiaan; dan kebebasan beragama akan hapus.

Di Jawa Barat - perjuangan terus menerus berlaku, lebih hebat dari dahulu lagi. Di sana sini bertambah-tambah hebat perjuangan gerilanya dan dengan keadaan yang lebih meluas lagi adakah Sukarno akan dapat mempertahankan kedudukan ekonominya? Marilah sama-sama kita lihat!!!